



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (9) 05/02

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN JASAMU DIKENANG KEMENTERIAN PERTAHANAN TAHUN 2024

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah menyempurnakan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) Tahun 2024 bertempat di *Grand Ballroom* Hotel Premiera, Kuala Lumpur hari ini.

Bagi menzahirkan penghargaan kepada warganya, Kementerian Pertahanan dan ATM telah melaksanakan penganugerahan APC dan Pingat PPT tahun 2023 kepada warga kerja pertahanan meliputi 863 orang warga kerja awam, 9,420 orang warga ATM terdiri dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan serta 153 orang pesara menjadikan jumlah keseluruhan adalah seramai 10,436 orang.

Penerima APC telah diberikan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi wang tunai bernilai RM 1,000.00 manakala bagi Pesara Awam yang bersara wajib dan pilihan masing-masing menerima Sijil Penghargaan serta wang tunai berjumlah RM 600.00 dan hanya pesara wajib sahaja yang menerima penghargaan tambahan berupa pingat PPT.

YB Menteri Pertahanan pada hari ini juga turut menyempurnakan penyampaian Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) kepada seorang penerima daripada Maktab Tentera Diraja yang merupakan satu-satunya penerima bagi kategori tersebut pada tahun ini atas kriteria pencalonan memerlukan pegawai terpilih diiktiraf aktif dan berkemahiran dalam pelbagai bidang.

Sebagai rekod, majlis pada hari ini telah menyaksikan penyempurnaan penyampaian kepada 477 orang penerima APC (termasuk penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang – PPC) dan Pingat PPT yang terdiri daripada penjawat awam di Wisma Pertahanan dan Unit-Unit Tentera, warga ATM serta Pesara Awam terpilih manakala selebihnya akan dilaksanakan oleh Bahagian dan Jabatan masing-masing. Pecahan keseluruhan penerima adalah seperti di **Lampiran**.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
29 Februari 2024 (Dikeluarkan pada 10.00 pagi)

Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur, Malaysia



Kementerian Pertahanan Malaysia



mindefmalaysia



MINDEFMalaysia



www.mindef.gov.my



mindefmalaysia

**PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SERTA PINGAT
PERKHIDMATAN DAN PEKERTI TERBILANG TAHUN 2023**

PENERIMA APC DAN PINGAT PPT DI HOTEL PREMIERA KUALA LUMPUR

Bil.	Bahagian/ Jabatan	Jumlah Penerima
1.	Penerima APC Awam di Bahagian Wisma Pertahanan	151
2.	Penerima APC Awam di Unit-unit Tentera	218
3.	Pesara : Penerima Pingat Perkhidmatan & Pekerti Terbilang	63
4.	Penerima AKC Tentera Tiga Perkhidmatan	45
Jumlah Keseluruhan		477

PENERIMA APC DAN PINGAT PPT SECARA KESELURUHAN

PENERIMA APC PENJAWAT AWAM KEMENTERIAN	
Perkhidmatan	Bilangan
Bahagian Wisma Pertahanan	151
Markas/ Briged/ Sabah/ Sarawak/ Unit-unit Tentera	721
JUMLAH	863
PENERIMA APC ANGKATAN TENTERA MALAYSIA	
Perkhidmatan	Bilangan
Tentera Darat Malaysia	6,910
Tentera Laut Diraja Malaysia	1,322
Tentera Udara Diraja Malaysia	1,188
JUMLAH	9,420
PENERIMA PESARA	
Kategori Pesara	Bilangan
Wajib	103
Pilihan	50
JUMLAH	153